

JANGAN BERBALAH TENTANG KEGANASAN

WUJUD kecenderungan beberapa pihak kebakangan ini menudung jari kepada beberapa kumpulan minoriti tertentu dalam usaha menentang keganasan. Adalah amat penting untuk menentang terrorisme dengan strategi melangkaui perbezaan fahaman agama dan pertelitian sekertarian yang wujud zaman berzaman. Kenapa usaha melawan keganasan perlu mengelak dari menyasarkan kepada kelompok tertentu sahaja? Lima sebab utama ingin penulis kongsikan.

Pertamanya, terrorisme pada hakikatnya wujud dalam pelbagai bentuk dan sejarah yang merekodkan bahawa definisi kalimah 'keganasan' tidak pernah tehad kepada golongan tertentu. Tindakan keganasan itu dilancarkan oleh pelbagai kelompok manusia daripada pelbagai latar belakang, ras, fahaman agama dan ideologi.

Golongan anarkis, pejuang anti-penjajahan dan komunisme pernah suatu ketika dianggap sebagai pengganas. Mutahir ini pula, golongan pelampau agama terlibat dalam beberapa siri keganasan serata dunia. Sarjana David Rapoport menyifatkan era ini sebagai *religious wave* dan menyenaraikan beberapa insiden yang melibatkan tindakan keganasan yang didorong oleh pemahaman agama yang melampaui.

Sebagai contoh, siri keganasan oleh rangkaian kumpulan al-Qaeda, serangan pengganas Yahudi di Masjid Ibrahim dan pembunuhan Perdana Menteri Israel di negara itu, serangan gas sarin oleh kumpulan Aum Shinrikyo di Tokyo dan tindakan golongan pelampau agama di Myanmar.

Di samping itu, pengkaji terrorisme turut merumuskan pengganas boleh wujud dalam pelbagai wajah termasuklah sebagai sebuah negara, iaitu bukan sahaja sebagai individu atau kumpulan manusia. Pandangan ini senada dengan penulisan Aristotle ketika menerangkan tentang kerajaan yang menggunakan jalan keganasan terhadap rakyatnya atau negara lain secara kejam. Kini pemerintahan turut dihalakan kepada aksi terrorisme yang dilakukan oleh badan korporat atau perusahaan kepada orang awam dan alam sekitar. Maka, adalah sangat dangkal jika usaha menentang terrorisme itu berleger pada kumpulan kecil yang difikirkan berpotensi menjadi pengganas.



MUKHRIZ MAT RUS

Agensi yang membasmikan keganasan perlu menonjolkan neutral dan profesional, tanpa ada prejudis terhadap mana-mana komuniti.

Sebab yang kedua, sejarah keganasan di Malaysia juga bersifat beragam bentuk dan pelbagai rupa. Kita pernah berhadapan ancaman pengganas komunis, tindakan mengejut kumpulan al-Maunah dan juga kumpulan pengganas di Lahad Datu. Mereka ini ternyata bukan dari aliran berfahaman Salafi atau pun Syiah yang sering dimomokkan bersifat melampaui.

Penulis tidak menafikan ancaman terrorisme peringkat global turut mempengaruhi suasana di Malaysia. Tapi faktor setempat juga tidak wajar diabaikan. Tiada kesimpulan mudah yang dapat dirumuskan dalam fenomena terrorisme yang sangat anjal sifatnya ini. Maka,

strategi menentang terrorisme perlu dilihat melalui kerangka yang besar dan bukan terperangkap dalam perbalahan sekertarian dalam agama yang tidak berkesudahan debatnya.

Ketiga, usaha melawan terrorisme perlu bersifat objektif berdasarkan kerangka yang sah. Kent Roach seorang sarjana undang-undang keganasan antarabangsa mengemaskan pasti bahawa undang-undang terrorisme di Malaysia ditentukan bersandarkan perbuatan keganasan yang dilakukan itu, tanpa membataskan definisi ideologi atau fahaman yang diamati pengganas. Seksyen 130B (1) Kanun Keseksian memberikan definisi yang jelas bahawa pengganas adalah golongan yang melakukan atau cuba melakukan perbuatan pengganas. Perbuatan pengganas pula diuraikan dengan lebih terperinci dalam Seksyen 130B(3).

Sememangnya terdapat beberapa kumpulan yang dikenal pasti dan diwartakan sebagai kumpulan pengganas sama ada di Malaysia atau agensi

antarabangsa, tetapi tindakan tersebut dibuat secara spesifik dan bukannya secara umum berdasarkan aliran pemikiran. Misalnya, dalam usaha menyekat penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan terhadap kumpulan-kumpulan tertentu.

Maka, tindakan melawan keganasan yang menyasarkan mana-mana komuniti seperti komuniti Salafi dan Syiah yang wujud di Malaysia adalah dilihat tidak sejajar dengan kehendak undang-undang berkaitan terrorisme itu sendiri. Agensi yang membasmikan keganasan perlu menonjolkan neutral dan profesional, tanpa ada prejudis terhadap mana-mana komuniti.

Kempat pula, strategi melawan terrorisme yang ditala kepada komuniti tertentu secara cuai hanya akan memakai diri. Tindakan itu bukan saja membantu usaha mengajak rakyat bersama-sama membendung keganasan bahkan boleh membantikat lebih ramai seterus dan penentang. Tindakan melawan keganasan yang menyeluruh bukan sekadar bergantung sepenuhnya kepada peruntukan undang-undang dan kecekapan pihak berkuasa semata-mata, tetapi juga mendambakan kepada penglibatan anggota masyarakat.

Pendekatan berteraskan masyarakat *society-based* dalam menentang keganasan telah banyak mendatangkan hasil di seluruh dunia terutamanya dalam berhadapan dengan pengganas solo (*lone-wolf terrorist*). Oleh itu, langkah menentang keganasan tidak sepatusnya dipergunakan untuk menghentam mana-mana aliran kefahaman yang telah dieping bukan sahaja di Malaysia, tetapi di peringkat dunia.

Perkara mustahak yang perlu diperhatikan dalam tindakan melawan keganasan adalah apakah faktor yang mendorong seseorang itu menyertai kumpulan pengganas, sedangkan teman-temannya yang berpegang kepada ajaran sama mengutuk keganasan. Misalnya, ajaran Salafi telah lama berakar di Malaysia sejak zaman kebangkitan perjuangan kaum muda di serata tanah air. Persoalan yang perlu ditanya, berapa ramai dalam kalangan mereka yang menyertai kumpulan pengganas, dan berapa ramai pula yang mengutuk keganasan? Bahkan jika diamati, kedepan dalam kalangan mereka yang bergiat aktif dalam demokrasi.

Seterusnya yang kelima, usaha menentang keganasan melalui pendekatan agama sewajarnya bersifat merawat dan bukannya mengeruhkan keadaan. Seorang tokoh ilmuan Islam Syah Bin Bayyah menasihatkan semua pihak untuk menyelamatkan 'bahtera kemanusiaan' yang sedang terbakar. Setiap individu yang tampil membawa air untuk memadam api perlu diaikan.

Penetapan fatwa atau hukum agama terhadap sesuatu kumpulan pengganas tidak harus terhenti di situ sahaja. Usaha melawan keganasan atau pemahaman pelampau dalam agama perlu meletakkan matlamat ke arah pemulihan dan mengajak golongan terpengaruh itu kembali ke sisi masyarakat.

Penulis pernah bersama dengan Fadel Soliman, seorang tokoh agama di United Kingdom yang giat terlibat dalam program pemulihian golongan yang dipengaruhi golongan pengganas, beliau menyarankan agar para agamawan lebih mengutamakan matlamat untuk memujuk dan menguatkan daya tahan anak-anak muda dari mudah dihasut dakiyah kumpulan pengganas agama.

Tindakan menghukum semata-mata atau mencela hanya akan menjauhkan mereka dan mengabsahkan naratif yang dijaja oleh kumpulan tersebut. Namun, cukup malang sekali sekitaranya golongan cendekiawan agama yang terlibat dalam usaha melawan keganasan ini dilihat cenderung menupuk api kebencian berbanding penerangan bersandar tradisi ilmu. Tindakan ini tidak ubah kumpulan pengganas agama yang mengambil pendekatan 'takfir' pada mereka yang tidak seairan. Dua kali lima nampaknya.

Bukanlah menjadi hasrat penulis menafikan keperluan untuk memahami sifat, bentuk ideologi, struktur organisasi dan ancaman yang datang dari kumpulan pengganas tertentu dalam melaksanakan strategi menentang keganasan. Ramai pengkaji terrorisme akur bahawa kita perlu mampu berfikir sebagai mana pengganas dalam usaha membanteras ancaman mereka. Namun, ia tidak bermakna kita perlu bertindak seperti mereka.

PENULIS ialah tenaga akademik Universiti Utara Malaysia yang kini sedang mengajar tentang undang-undang terrorisme di United Kingdom. Pernah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara (2008-2015) sebagai Timbalan Pendakwa Raya.